



No. Rujukan : UKMHTM.3/224/2/4
Tarikh : 5 Jun 2025

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 7/2025

Pengarah/ Ketua
Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KETETAPAN POLISI PERKHIDMATAN DAN RAWATAN DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Surat Edaran ini bertujuan untuk memberi makluman mengenai perubahan ketetapan kadar caj bagi perkhidmatan dan rawatan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2025 bertarikh 25 April 2025. Ketetapan Kadar Caj Perkhidmatan Dan Rawatan Di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) seperti di **Lampiran 1**.

3. Untuk makluman, pelaksanaan ketetapan kadar caj perkhidmatan dan rawatan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) ini akan berkuatkuasa pada **16 Jun 2025** dan sukacita kiranya YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan di sambungan 5228/ 5234/ 5233/ 5232/ 5230.

Sekian, segala kerjasama YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Better, Faster, Friendlier

Yang benar,

WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP C.A (M)

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz




BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 5555 (Operator), 5230, 7969, 7977, 7872, 5232, 4923 (Pejabat Am) Faks: +603-9145 6629
E-mel: hasiljke@hctm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

- s.k - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah bin Haruna Rashid**
Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- **YBhg. Prof. Datuk Dr. Ismail bin Sagap**
Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani,
Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM



BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinik, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 5555 (Operator), 5230, 7969, 7977, 7872, 5232, 4923 (Pejabat Am) Faks: +603-9145 6629
E-mel: hasiljke@hctm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my

a) Bayaran Bagi Perkhidmatan *Homecare*

Polisi Semasa	Polisi Baru
Tiada	Berbayar kepada semua kategori pesakit (kakitangan yang masih berkhidmat/ pesara/ pelajar/ warga emas/ OKU/ penerima bantuan/ penderma darah/ penderma organ/ bukan warganegara).

b) Tanggungan Orang Kelainan Upaya (OKU)

Polisi Semasa	Polisi Baru
Percuma untuk tanggungan (Suami/ Isteri) dan anak-anak yang berumur 18 tahun dan ke bawah.	Berbayar untuk tanggungan (Suami/ Isteri) dan anak-anak yang berumur 18 tahun dan ke bawah.

c) Pengenaan Caj Kepada Pesakit Warga Emas

Polisi Semasa	Polisi Baru
<u>Pesakit Luar</u> Percuma untuk ubat, rawatan ulangan dan separuh harga untuk prosedur/ ujian makmal.	<u>Pesakit Luar</u> Berbayar pada kadar awam dewasa untuk ubat, rawatan ulangan dan separuh harga untuk prosedur/ ujian makmal.
<u>Pesakit Dalam</u> Separuh harga untuk caj wad, caj rawatan, prosedur, ujian makmal dan pembekalan ubat bagi bulan pertama.	<u>Pesakit Dalam</u> Berbayar pada kadar awam dewasa untuk caj wad, caj rawatan, prosedur, ujian makmal dan pembekalan ubat bagi bulan pertama.

d) Perkhidmatan Dialisis

Polisi Semasa	Polisi Baru
Berbayar kepada semua kategori pesakit kecuali Pegawai Perkhidmatan Awam yang masih berkhidmat.	Berbayar kepada semua kategori pesakit kecuali Pegawai Perkhidmatan Awam yang masih berkhidmat. Percuma kepada pesara dan tanggungan HCTM/ UKM/ HPKK.

LAMPIRAN 1

e) Perkhidmatan Rawatan Kepada Pesakit Covid-19 berstatus **Bukan Warganegara**

Polisi Semasa	Polisi Baru
Percuma sekiranya positif dan diarahkan untuk dilaksanakan ujian dalam tempoh pandemik. Caj rawatan untuk Covid 19 percuma bermula semasa rawatan di wad.	Berbayar mengikut ketetapan dan kadar caj pesakit bukan warganegara.

f) Kelayakan Penderma Organ

Polisi Semasa	Polisi Baru
Polisi semasa hanya menjelaskan penderma organ percuma untuk kelayakan pesakit luar dan pesakit dalam.	Percuma untuk perkhidmatan dan prosidur rawatan kepada: 1. Penderma hidup. 2. Penderma kadaverik/ penderma mati.
Rujuk Surat Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari 21 November 2012 (Garis Panduan Tatacara Pelaksanaan Kemudahan Wad Kelas Pertama Dan Pengecualian Bil Perubatan Penderma Organ Dan Sel Stem Warganegara Dan Bukan Warganegara).	

- a) **Percuma** rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian, rawatan perubahan dan wad kelas dua untuk tempoh 4 bulan termasuk bayaran X-Ray dan pembedahan kepada **Warganegara Malaysia** yang menderma darah sebanyak 1-5 kali.
- b) **Percuma** kepada penderma darah berstatus **Bukan Warganegara** dan **Pemastautin Tetap (PR)** yang mengalami *adverse donor reaction* (ADR) semasa atau selepas pendermaan darah.
- c) Kelayakan rawatan kepada penderma darah ini menggunakan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3/2024 seperti jadual dibawah: